

SOALAN LAZIM

PROJEK RINTIS PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) DI KEMENTERIAN/JABATAN PERSEKUTUAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN (KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA), PERLIS, SELANGOR, JOHOR, TERENGGANU, SARAWAK DAN SABAH

1. JIKA SEORANG PEGAWAI DIKEHENDAKI MENGHADIRI SUATU URUSAN RASMI DI LUAR PEJABAT PADA WAKTU PAGI, BAGAIMANAKAH KAEDAH PENETAPAN WAKTU PEGAWAI MULAI BERTUGAS?

Sekiranya pegawai dikehendaki hadir dalam tugas-tugas rasmi luar pejabat dan tidak mengetik kehadiran, pegawai tersebut dianggap memulakan tugas berdasarkan waktu bermulanya tugasan rasmi tersebut. Sebagai contoh:

- a) Jika tugas-tugas rasmi bermula pukul 8.00 pagi, maka waktu masuk pegawai adalah bermula pukul 8.00 pagi;
- b) Jika tugas-tugas rasmi bermula pukul 8.30 pagi, maka waktu masuk pegawai adalah bermula pukul 8.30 pagi; dan
- c) Jika tugas-tugas rasmi bermula selepas pukul 8.30 pagi, maka waktu masuk pegawai adalah bermula pukul 8.30 pagi.

2. JIKA SEORANG PEGAWAI MENGETIK KEHADIRAN MELEPASI PUKUL 8.30 PAGI, SEBAGAI CONTOH PUKUL 8.35 PAGI; ADAKAH PEGAWAI TERSEBUT PERLU MENCUKUPKAN JUMLAH JAM BEKERJA SEHARI?

Sekiranya pegawai mengetik kehadiran melebihi pukul 8.30 pagi, pegawai dianggap lewat hadir ke pejabat. Pegawai boleh pulang pada/selepas pukul 5.30 petang kecuali hari Khamis bagi negeri Johor dan Terengganu iaitu pada/selepas pukul 4.00 petang.

SOALAN LAZIM

PROJEK RINTIS PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEksi (WBF) DI KEMENTERIAN/JABATAN PERSEKUTUAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN (KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA), PERLIS, SELANGOR, JOHOR, TERENGGANU, SARAWAK DAN SABAH

- 3. JIKA SESEORANG PEGAWAI DIKEHENDAKI MENGHADIRI TUGASAN RASMI SEBAGAI CONTOH RAPTAI PERBARISAN DI LUAR PEJABAT PADA PUKUL 7.00 PAGI DAN KEMUDIANNYA PEGAWAI KEMBALI KE PEJABAT, PUKUL BERAPAKAH PEGAWAI BOLEH MENGETIK KELUAR?**

Sekiranya raptai perbarisan bermula pada pukul 7.00 pagi, pegawai dianggap telah mengetik kehadiran pada pukul 7.30 pagi dan pegawai boleh mengetik keluar selepas mencukupkan tempoh waktu bekerja.

- 4. ADAKAH PEGAWAI LANTIKAN *CONTRACT OF SERVICE (COS)/CONTRACT FOR SERVICE (CFS)*/PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) TERMASUK DI DALAM PROJEK RINTIS WBF?**

Semua pegawai lantikan *Contract Of Service (COS)/Contract For Service (CFS)*/Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang berkhidmat di Kementerian/Jabatan di negeri-negeri yang terlibat dengan projek rintis WBF serta mengamalkan waktu kerja pejabat, adalah termasuk dalam projek rintis WBF ini.

- 5. ADAKAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPGM) DI CYBERJAYA, SELANGOR TERLIBAT DENGAN PROJEK RINTIS WAKTU BEKERJA FLEksi (WBF) MEMANDANGKAN PEGAWAI IPGM TIDAK TERLIBAT DENGAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Semua institusi pendidikan tidak terlibat dengan projek rintis WBF.

SOALAN LAZIM

PROJEK RINTIS PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEksi (WBF) DI KEMENTERIAN/JABATAN PERSEKUTUAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN (KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA), PERLIS, SELANGOR, JOHOR, TERENGGANU, SARAWAK DAN SABAH

- 6. JIKA PROJEK RINTIS WBF DITERUSKAN SEHINGGA BULAN RAMADAN, ADAKAH PEGAWAI MASIH DIBENARKAN PULANG SETENGAH JAM AWAL?**

Sekiranya projek rintis WBF diteruskan sehingga ke bulan Ramadan, pegawai dibenarkan pulang setengah jam awal dengan syarat waktu rehat juga dikurangkan selama 30 minit seperti yang diperuntukkan di dalam PP4/2017.